



**Buletin**

**SEDIA  
MENYELAMAT  
999**

"CEPAT DAN MESRA"

BIL 4/2012 ISSN 1985-0859

# BOMBA

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA  
*Fire And Rescue Department Malaysia*



International Fire Conference  
and Exhibition Malaysia 2012



## MAJLIS PENYERAHAN KUNCI RUMAH PROJEK PEMBINAAN SEMULA RUMAH TERBAKAR

"STRATEGI LAUTAN BIRU NEGARA"  
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN

## MESS NITE 2012

JABATAN BOMBA  
DAN PENYELAMAT MALAYSIA



MAJLIS PERASMIAN BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT  
SERI BALIK PULAU, PULAU PINANG

# KANDUNGAN

KUNJUNGAN HORMAT CHIEF DEFENCE FORCE, MALDIVES KE JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

MAJLIS PELANCARAN KEMPEN KESELAMATAN KEBAKARAN BERSAMA KETUA-KETUA KAMPUNG DAN PENUBUHAN PASUKAN BOMBA SUKARELA

PERTANDINGAN INOVASI PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2012 JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA.

MAJLIS PENYERAHAN MANUAL PELAN TINDAKAN KECEMASAN ANTARA JBPM / KTMB DAN PROGRAM LATIH AMAL "EX TAMAN WAHYU"

LAWATAN SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD

MESYUARAT PENOLONG-PENOLONG PENGARAH BAHAGIAN PENYIASATAN KEBAKARAN NEGERI DAN PEGAWAI MAKMAL JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

KUNJUNGAN HORMAT COMMANDER FRANCIS KEAN, CHAIRMAN FIJI NATIONAL FIRE AUTHORITY, FIJI

MAJLIS PENGANUGERAHAN PINGAT KEBESARAN JABATAN ANUGERAH PERKIDMATAN CEMERLANG DAN PENYAMPAIAN SIJIL 30 TAHUN PERKHIDMATAN.

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG JBPM KUALA LUMPUR

MAJLIS TAMAT LATIHAN PEGAWAI BOMBA GRED KB 17 AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA WAKAF TAPAI, TERENGGANU

LAWATAN MESRA YAS DATO' WAN MOHD NOR BIN HAJI IBRAHIM KE BBP AL-MUKTAFI BILLAH SHAH, TERENGGANU

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN BULAN OKTOBER 2012 DAN MAJLIS QURBAN 1433H PERINGKAT IBU PEJABAT JBPM, PUTRAJAYA

KUNJUNGAN HORMAT SUSTAINABLE ENERGY DEVELOPMENT AUTHORITY (SEDA)

WAWANCARA KHAS YAS KETUA PENGARAH DI RANCANGAN MALAYSIA HARI INI (TV3)

MAJLIS PENYERAHAN KUNCI RUMAH PROJEK PEMBINAAN SEMULA RUMAH TERBAKAR "STRATEGI LAUTAN BIRU NEGARA" KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

LAB KETUA-KETUA BALAI DI KAMPUS INTAN, KOTA KINABALU, SABAH

INTERNATIONAL FIRE CONFERENCE AND EXHIBITION MALAYSIA 2012 (IFCEM 2012)

KONVENSYEN BOMBA SUKARELA ZON UTARA TAHUN 2012

1	LATIHAN EX-STORM VII 2012 JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI PERAK	22
2	MESYUARAT PENGARAH-PENGARAH BOMBA NEGERI BIL 4/2012 DI JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI PERLIS	24
3	PERTANDINGAN AKHIR BOLA SEPAK PIALA KETUA PENGARAH JBPM TAHUN 2012	25
4	MAJLIS PENUTUPAN KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2012	26
5	MAJLIS PENUTUPAN KONVENSYEN BOMBA SUKARELA TAHUN 2012	27
6	MAJLIS PERASMIAN BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT SERI BALIK PULAU, PULAU PINANG	28
7	MAJLIS PENYERAHAN KUNCI RUMAH PROJEK PEMBINAAN SEMULA RUMAH TERBAKAR "STRATEGI LAUTAN BIRU NEGARA" KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN	30
8	MESS NITE 2012 JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	32
9		33

## Sidang Redaksi

10	<b>Penaung</b> YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim	
11	<b>Penasihat</b> YAS Dato' Mahadi bin Md Ali YAS Dato' Hj. Amer bin Hj. Yusof	
	<b>Ketua Editor</b> PPjB Sobberi bin Basiran	
12	<b>Editor</b> PgKB I Lee Siew Fatt Pgb Norizan bin Saad	
13	<b>Pengarang</b> PgKB I Abd Fathulmuen bin Abd Salam Pgb Yusmaredza Mirza bin Mohamed Ali Pgb Zamhuri bin Zainordin Pgb Mohd Hafiz bin Suhaimi Pgb Azmi bin Sadon PKPgB Azman bin Husien@Hasan PKPgB Rozizah binti Abni Hajar PKPgB Che Ku Azlizam bin Che Ku Daud PKPgB Nik Mohd Fadli bin Nik Abu PKPgB Kamarulzaman bin Jaafar PKPgB Mohd Effendi bin K.Ramin PKPgB Mohd Eirwan bin Hussin PKPgB Thoyyibah binti Taib PPgB Nor Azlinda binti Mohd Ajlan	Bhg. Pengurusan Korporat Bhg. Operasi dan Penyelamat Bhg. Operasi dan Penyelamat JBPM Kedah JBPM Selangor JBPM Pulau Pinang JBPM Terengganu JBPM Kuala Lumpur JBPM Perak JBPM Perlis JBPM Sabah JBPM Labuan FRAM Wakaf Tapai Bhg. Pengurusan Korporat
14		
15		
16		
18	<b>Fotografi</b> PB Khairul Azmi bin Mohd Noor PB Syed Fitri bin Syed Abas PB Mohd Hanafi bin Baharudin Unit Perhubungan Awam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri-Negeri	
20		

### Seluruh warga Bomba dan Penyelamat Malaysia

Dialu-alukan menyumbang penulisan sama ada dalam bentuk rencana, laporan, aktiviti bulanan, pandangan atau pendapat lain-lain hal yang berkaitan dengan Jabatan. Sumbangan boleh dimajukan kepada:

### Sidang Redaksi, Buletin Bomba

Bahagian Pengurusan Korporat, Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat Malaysia, Lebu Wawasan, Presint 7, 62250 Putrajaya  
Tel : +603-8888 0036 Faks : +603-8888 0840 Emel : korporat@bomba.gov.my Laman Web : <http://www.bomba.gov.my>



## KUNJUNGAN HORMAT CHIEF DEFENCE FORCE, MALDIVES KE JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Putrajaya 2 Oktober 2012 (Selasa) - Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah menerima kunjungan hormat daripada Mejar Jeneral Ahmed Shiyam, *Chief Defence Force*, Maldives. Delegasi dari Maldives tersebut turut disertai oleh Ms Aishath Shaan Shakir, *Deputy High Commission*, Maldives, Kolonel Ali Zuhair, Kolonel Hamid Shafeeq, Mejar Ismail Naseer dan Leftenan Hussein Riyaz.

Ketibaan Mejar Jeneral Ahmed Shiyam dan delegasi telah disambut oleh PgKB I Lee Siew Fatt dari Bahagian Pengurusan Korporat JBPM dan seterusnya menerima tabik hormat daripada *Quarter Guard* JBPM. Seterusnya Mejar Jeneral Ahmed Shiyam dan delegasi melakukan kunjungan hormat kepada YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk mengeratkan hubungan dua hala dan kerjasama di antara kedua belah pihak terutamanya di dalam bidang latihan.

Seterusnya delegasi tersebut telah dibawa melawat ke Makmal Penyiasatan Kebakaran dan Pusat Gerakan Operasi (PGO) di Ibu Pejabat, JBPM Negeri Selangor. Rombongan berkenaan juga dibawa melawat ke Balai Bomba dan Penyelamat Shah Alam. Sesi lawatan tersebut diakhiri dengan sesi bergambar dengan pegawai kanan Ibu Pejabat, JBPM dan Ibu Pejabat JBPM Negeri Selangor.



Perbincangan antara YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dengan Delegasi Negara Maldives



YAS KP JBPM menyampaikan cenderamata kepada Mejar Jeneral Ahmed Shiyam, *Chief Defence Force*, Maldives

Lawatan ke Balai Bomba dan Penyelamat Shah Alam



# MAJLIS PELANCARAN KEMPEN KESELAMATAN KEBAKARAN BERSAMA KETUA-KETUA KAMPUNG DAN PENUBUHAN PASUKAN BOMBA SUKARELA

Pelancaran Kempen Keselamatan Kebakaran Bersama Ketua-Ketua Kampung dan Penubuhan Pasukan Bomba Sukarela telah diadakan pada 6 Oktober 2012 di Dewan Komuniti Kampung Sungai Lada, Labuan.

Lebih daripada 500 orang penduduk sekitar Kampung Sungai Lada, Kampung Sungai Pagar dan Kampung Sungai Labu telah menghadiri Majlis Pelancaran Kempen yang diadakan bertujuan untuk meningkatkan tahap kesedaran keselamatan penduduk kampung tentang bahaya kebakaran. Selain itu, penduduk juga digalakkan untuk menyertai Pasukan Bomba Sukarela yang berfungsi sebagai pasukan bantuan kepada pasukan JBPM dalam melakukan kerja-kerja pemadaman kebakaran dan penyelamatan.

Pelancaran kempen ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Senator Hj. Yunus bin Hj. Kurus, Ahli Dewan Negara merangkap Timbalan Pengerusi Perbadanan Labuan. Majlis tersebut turut dihadiri oleh YS Penolong Ketua Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Dato' Rusmani bin Muhamad serta 22 orang ketua kampung sekitar W.P Labuan.

Antara aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan semasa Kempen Keselamatan Kebakaran bersama Ketua-Ketua Kampung dan Penubuhan Pasukan Bomba Sukarela adalah pameran-pameran Peralatan Kebombaan, Projek Inovasi BBP Kg. Jawa, Pasukan Bomba Sukarela, Pertandingan Mewarna Kelab 3K, Pertandingan Kawad Bentang Hos 100 kaki serta Pertandingan Menggunakan Alat Pemadam Api (APA) untuk suri rumah yang hadir.





# PERTANDINGAN INOVASI



## PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2012, JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Pertandingan Inovasi Peringkat Kebangsaan Tahun 2012 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah diadakan di Heritage Hotel, Ipoh Perak pada 18 hingga 20 Oktober 2012.

Sebanyak 17 pasukan telah menyertai pertandingan pada kali ini yang dinilai oleh 4 orang juri profesional iaitu dari *Malaysia Association of Creativity & Innovation* (En. Hussin bin Mohd Arif), MOSTI (En. Norhad bin Ahmad), Bahagian Kejuruteraan JBPM (En. Mohd Khairul bin Ridzuan) dan Bahagian Operasi JBPM (PKPjB Hj. Zamri bin Che Din) selaku Ketua Juri.

Majlis Perasmian Pertandingan INOVASI Peringkat Kebangsaan Tahun 2012 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah disempurnakan oleh YS TPjB Dato' Rusmaini bin Mohamad. Turut hadir di majlis tersebut ialah YS PKPjB Mohamad Hamdan bin Hj. Wahid, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan selaku pengerusi pertandingan dan YS PKPjB Hj. Yahaya bin Hj. Madis, Pengarah JBPM Negeri Perak.

Manakala Majlis Penutupan Pertandingan Inovasi Peringkat Kebangsaan Tahun 2012 JBPM Perak telah disempurnakan oleh YAS Dato' Mahadi bin Hj. Md. Ali, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi). Turut hadir dalam majlis ini ialah YS Dato' Rusmaini bin Mohamad, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran, YS PKPjB Mohamad Hamdan bin Hj. Wahid, PKP Bhg Perancangan dan Penyelidikan, YS Pengarah JBPM Negeri Perak dan YS Pengarah JBPM Negeri Pulau Pinang.

### KEPUTUSAN :-

JOHAN

**KUMPULAN B.A.T  
JBPM NEGERI JOHOR**

NAIB  
JOHAN

**KUMPULAN MELATI / BSSB  
JBPM NEGERI SELANGOR**

KETIGA

**KUMPULAN EVOQUE  
JBPM NEGERI PULAU PINANG**





10 Oktober 2012 (Kuala Lumpur) - Majlis penyerahan "Manual Pelan Tindakan Kecemasan" antara Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dengan KTM Berhad telah disempurnakan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Manual ini adalah kerjasama antara Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan KTM Berhad yang mengandungi maklumat mengenai prosedur-prosedur menyelamatkan dan panduan menangani krisis yang melibatkan perkhidmatan kereta api.

Tujuan utama "Manual Pelan Tindakan Kecemasan" ini diterbitkan adalah sebagai rujukan dan panduan kepada JBPM, KTMB dan semua pihak lain mengenai kepentingan dalam aspek keselamatan. Pelan tindakan kecemasan tersebut juga dapat membantu pengurusan dan warga kerja KTMB memahami keperluan dan pelaksanaan tugas semasa menghadapi kecemasan.

Di majlis ini juga, YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim telah menyampaikan Sijil Teman Pili Bomba kepada 12 Stesen KTMB di Lembah Klang. Majlis pada pagi tersebut diteruskan dengan program Latihan Amal Ex Taman Wahyu untuk melaksanakan latihan secara praktikal berdasarkan arahan dan prosedur yang sedia ada berkaitan dengan insiden kecemasan dan kemalangan.

Turut hadir ialah YS TPjB Dato' Soiman bin Jahid, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Operasi Kebompaan dan Penyelamat, YS PKPjB Khirudin bin Drahman @ Hussaini, Pengarah JBPM Kuala Lumpur, Lt. Kol. Mohd Yassin bin Yahaya, Pegawai Memerintah Pangkalan Udara Subang dan pegawai-pegawai kanan JBPM.

## MAJLIS PENYERAHAN MANUAL PELAN TINDAKAN KECEMASAN ANTARA JBPM / KTMB DAN PROGRAM LATIH AMAL "EX TAMAN WAHYU"





LAWATAN

# SIRIM QAS

INTERNATIONAL SDN. BHD

Pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd yang diketuai oleh Puan Khalidah binti Mustafa, Pengarah Urusan SIRIM QAS International Sdn. Bhd telah mengadakan lawatan kerja ke Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia pada 10 Oktober 2012 (Rabu). Perjumpaan tersebut telah diadakan di Bilik Gerakan, Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Turut menyertai lawatan tersebut ialah En. Basori bin Hj. Selamdi, Puan Rohaya binti Ibrahim, Puan Faridah binti Ahmad, En. Patricie Limbong dan Mohd Hamidi.

Tujuan lawatan dan perjumpaan diadakan adalah untuk membincangkan kerjasama dua hala dan bertukar-tukar pendapat sebagai menandakan hubungan yang erat antara Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dengan pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

Turut hadir bagi pihak JBPM adalah YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, YS TPjB Dato' Rusmani bin Muhamad, PKP Bahagian Keselamatan Kebakaran, Tuan Hj. Ramli bin Jusoh, Pengarah Pengurusan JBPM, dan pegawai-pegawai kanan JBPM.






# MESYUARAT PENOLONG-PENOLONG PENGARAH BAHAGIAN PENYIASATAN KEBAKARAN NEGERI DAN PEGAWAI MAKMAL JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

KELANTAN; 15 Oktober 2012. Majlis Perasmian Mesyuarat Penolong-Penolong Pengarah Bahagian Penyiasatan Kebakaran dan Pegawai Makmal Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah disempurnakan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah JBPM. Turut hadir, YS PKPjB Edwin Galan Teruki, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Penyiasatan Kebakaran dan YS PPjB Azmi bin Osman, Pengarah JBPM Negeri Kelantan. Pada malam tersebut turut diadakan Majlis Ramah Mesra YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, bersama-sama dengan Penolong-Penolong Pengarah Bahagian dan Pegawai Makmal bertujuan untuk mengeratkan jalinan hubungan dikalangan pegawai dan pengurusan tertinggi. Majlis ramah mesra tersebut turut diserikan dengan persembahan kebudayaan oleh pegawai-pegawai. Di dalam majlis tersebut juga turut diadakan penyampaian hadiah kepada pemenang pertandingan bola tampar pantai yang telah diadakan pada petang sebelum majlis diadakan.







# Kunjungan Hormat

**COMMANDER FRANCIS KEAN**  
CHAIRMAN FIJI NATIONAL FIRE AUTHORITY, FIJI

Commander Francis Kean, *Chairman Fiji National Fire Authority*, Fiji telah mengadakan kunjungan hormat kepada Ketua Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia pada 18 Oktober 2012. Turut menyertai delegasi tersebut adalah Mr. John Msi O' Connor, *Chief Executive Authority*, Mr. Timoci Nakaruru, *Divisional Fire Officer* dan Ms Azreen Khan, *Second Secretary*, Fiji.

Ketibaan Commander Francis Kean dan delegasi telah disambut oleh PgKB I Lee Siew Fatt dari Bahagian Pengurusan Korporat JBPM dan seterusnya menerima tabik hormat daripada *Quarter Guard* JBPM. Seterusnya Commander Francis Kean dan delegasi melakukan kunjungan hormat kepada YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk mengeratkan hubungan dua hala dan kerjasama di antara kedua belah pihak terutamanya di dalam bidang latihan.

Seterusnya delegasi tersebut telah dibawa melawat ke Makmal Penyiasatan Kebakaran di Ibu Pejabat, JBPM Negeri Selangor dan Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Kubu Bharu, Selangor.



# Majlis Penganugerahan

**PINGAT KEBESARAN JABATAN, ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG DAN  
PENYAMPAIAN SIJIL 30 TAHUN PERKHIDMATAN**

19 Oktober 2012 (Jumaat) - Majlis Penganugerahan Pingat Kebesaran Jabatan, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (2011) dan Sijil 30 Tahun Perkhidmatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak telah disempurnakan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Turut hadir di majlis tersebut adalah YS PKPjB Hj. Yahaya bin Hj. Madis, Pengarah JBPM Negeri Perak, Pegawai-Pegawai Kanan JBPM Negeri Perak, Penerima Pingat Kebesaran serta penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Majlis tersebut telah diadakan di Grand Valley Ballroom, Kinta Riverfront Hotel, Ipoh Perak.

Seramai 84 orang pegawai bomba telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2011, 16 orang pegawai telah dianugerahkan Pingat Kebesaran Jabatan dan seramai 19 orang pegawai telah menerima Sijil 30 Tahun Perkhidmatan.





# MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG JBPM KUALA LUMPUR



22 Oktober 2012 (Isnin) – Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Lumpur telah disempurnakan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di Mega Banquet Deck, Menara Kuala Lumpur.

Pada majlis tersebut seramai 64 orang pegawai telah menerima Sijil Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2011. Di majlis yang sama tersebut turut diadakan penyampaian kepada pemenang Konvensyen Kumpulan Inovasi Kreatif (KIK) peringkat JBPM Kuala Lumpur iaitu pasukan dari Balai Bomba dan Penyelamat Hang Tuah yang akan mewakili JBPM Kuala Lumpur ke peringkat Kebangsaan di Perlis.

Turut hadir di majlis tersebut adalah YS PKPjB Khirudin bin Drahan, Pengarah JBPM Kuala Lumpur, Penolong-Penolong Pengarah Bahagian serta Pegawai-Pegawai Kanan JBPM Kuala Lumpur.





# MAJLIS TAMAT LATIHAN PEGAWAI BOMBA GRED KB 17

AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA WAKAF TAPAI, TERENGGANU



Pada 24 Oktober 2012 (Rabu) - YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah menyempurnakan Majlis Tamat Latihan Kursus Asas Sijil Sains Kebombaan Pegawai Bomba Gred KB17 Siri 1/2012 Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wakaf Tapai, Terengganu.

Seramai 276 orang pelatih telah berjaya menamatkan kursus dengan jayanya dan tiga (3) orang pelatih terbaik ialah Mohamad Noriudzuan bin Nordin (Pelatih Terbaik Keseluruhan), Mohammad Hanis bin Rosli (Praktikal Terbaik) dan Muhammad

Syahril bin Razali (Teori Terbaik). Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua pelatih yang telah berjaya menamatkan kursus dengan jayanya. Pemilihan anugerah ini dinilai berdasarkan pencapaian mereka sepanjang tempoh latihan.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah YAS Dato' Mahadi bin Md. Ali, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), YAS Dato' Hj. Amer bin Hj. Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Penolong-Penolong Ketua Pengarah, Pengarah-Pengarah Bomba Negeri dan Pegawai-pegawai kanan JBPM.





## LAWATAN MESRA YAS DATO' WAN MOHD NOR BIN HAJI IBRAHIM



### BBP AL-MUKTAFI BILLAH SHAH, TERENGGANU



24 Oktober 2012 (Rabu) Balai Bomba dan Penyelamat Al-Muktafi Billah Shah, Terengganu telah dipilih sebagai destinasi Lawatan Mesra YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Ketibaan YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim telah disambut oleh PPgB Imran bin Ismail, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Al-Muktafi Billah Shah dan diiringi oleh Pegawai-Pegawai Kanan JBPM Negeri Terengganu.



Lawatan Mesra ini adalah bertujuan untuk merapatkan lagi hubungan silaturrahim antara pucuk pimpinan jabatan dengan pegawai-pegawai JBPM disamping dapat mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh pegawai-pegawai. Pendekatan yang diambil oleh pihak pengurusan tertinggi jabatan ini merupakan satu mekanisme yang terbaik dalam menyelesaikan masalah yang dialami oleh pegawai-pegawai di balai dan beberapa cadangan yang telah diajukan telah mendapat perhatian dan tindakan serta merta oleh YAS Ketua Pengarah.



Dalam lawatan tersebut juga, YAS Ketua Pengarah telah meluangkan masa membantu menyediakan menu 'Barbeque' dan YAS Ketua Pengarah sendiri telah memasak hidangan istimewa iaitu Tempoyak Ikan Baung untuk dihidangkan kepada semua yang hadir.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah YS PPjB Md. Salleh bin Sarbini, Pengarah JBPM Negeri Terengganu, Penolong Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat, Penolong Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran dan Pegawai Perhubungan Awam JBPM Negeri Terengganu.

Sesungguhnya dengan kehadiran YAS Ketua Pengarah ini telah menjadi penyuntik semangat kepada semua pegawai bomba yang hadir pada hari tersebut.



# Majlis Perhimpunan Bulanan Bulan Oktober 2012 dan Majlis Qurban 1433H Peringkat Ibu Pejabat JBPM, Putrajaya

Perhimpunan Bulanan Bulan Oktober 2012 yang dihoskan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan telah diadakan pada 29 Oktober 2012 (Isnin) bersamaan 13 Zulhijjah 1433H. Turut diadakan pada pagi tersebut ialah Majlis Qurban 1433H peringkat Ibu Pejabat JBPM Putrajaya. Majlis Perhimpunan Bulanan dan Ibadah Qurban tersebut telah disempurnakan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Turut hadir di majlis tersebut ialah Penolong-Penolong Ketua Pengarah, Pengarah-Pengarah Bahagian, Pegawai-Pegawai Kanan serta kakitangan Ibu Pejabat JBPM Putrajaya.

Di dalam majlis perhimpunan bulanan tersebut, YAS Ketua Pengarah telah menyampaikan Sijil Penghargaan kepada pegawai-pegawai jabatan yang telah menyertai Program Mengibarkan Bendera JBPM di Puncak Gunung Kinabalu sempena Sambutan Hari Bomba Sedunia 2012. Selain dari itu, turut diadakan acara memperkenalkan kakitangan JBPM yang baru bertugas di Ibu pejabat Putrajaya serta penyampaian hadiah kepada pegawai dan kakitangan yang menyambut hari lahir pada bulan Oktober 2012.



Pegawai-Pegawai Jabatan yang telah menyertai Program Mengibarkan Bendera JBPM di Puncak Gunung Kinabalu



Ucapan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia



# KUNJUNGAN HORMAT SUSTAINABLE ENERGY DEVELOPMENT AUTHORITY (SEDA)

Putrajaya 31 Oktober 2012- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah menerima kunjungan hormat daripada *Sustainable Energy Development Authority (SEDA)* yang diketuai oleh Y.Brs Puan Badriyah binti Hj. Malek, Ketua Pegawai Eksekutif SEDA Malaysia. Turut serta didalam rombongan tersebut ialah Ir. Ali Askar Ser Mohamad, Puan Afaf Hilyati binti Che Hassan Pahmi. Kunjungan tersebut telah disambut oleh YS TPjB Dato' Soiman bin Jahid, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat di Bilik Gerakan, Ibu Pejabat Putrajaya.

Turut hadir pada kunjungan tersebut ialah PKPjB Hj. Zamri bin Che Din, Ketua Seksyen Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat, PPjB Awang Hidzel, Bahagian Penyiasatan Kebakaran, PgKB I Syufaat bin Kamaron, Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat, PgKB I Lee Siew Fatt, Ketua Unit Komunikasi Korporat dan pegawai-pegawai kanan JBPM.

Lawatan ini bertujuan memberi peluang kepada kedua-dua pihak membincangkan usaha berterusan dan inisiatif mengenai isu keselamatan kebakaran bangunan dan mengukuhkan lagi kerjasama di antara Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dengan pihak *Sustainable Energy Development Authority (SEDA)*. Lawatan ini berakhir dengan sesi soal jawab dan penyampaian cenderamata.



Penyampaian Cenderamata oleh YS PKP Bahagian Operasi dan Penyelamat Malaysia kepada Y.Brs Puan Badriyah binti Hj. Malek, Ketua Pegawai Eksekutif SEDA Malaysia



Pegawai-Pegawai Kanan JBPM yang hadir semasa kunjungan hormat tersebut



Ucapan alu-aluan oleh YS TPjB Dato' Soiman bin Jahid, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat



5 November 2012 (Isnin) - Sesi Wawancara Khas di dalam Rancangan Malaysia Hari Ini (TV3) bersama YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah berlangsung pada 5 November 2012 (Isnin) di Seri Pentas (TV3), Damansara. Temubual tersebut bertujuan untuk menghebahkan maklumat tentang Persidangan *International Fire Conference and Exhibition Malaysia 2012 (IFCEM 2012)* yang dianjurkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dengan kerjasama *The Malaysia Fire Protection Association (MFFPA)*, *The Institution of Fire Engineers (UK) Malaysia Branch* dan Majlis Sukan, Kebajikan dan Kebudayaan Bomba dan Penyelamat Malaysia (MASKAB) yang akan diadakan pada 20 hingga 22 November 2012 di *Kuala Lumpur Convention Centre*, Kuala Lumpur. Selain daripada itu, wawancara tersebut juga memaparkan mengenai kesiapsiagaan JBPM di dalam menghadapi bencana banjir yang dijangka akan berlaku pada bulan November hingga Disember.

## *Wawancara Khas* **YAS KETUA PENGARAH DI RANCANGAN MALAYSIA HARI INI (TV3)**







## MAJLIS PENYERAHAN KUNCI RUMAH

*PROJEK PEMBINAAN SEMULA RUMAH TERBAKAR  
"STRATEGI LAUTAN BIRU NEGARA"  
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN*

Kuala Selangor, 17 November 2012 - YBhg Ketua Setiausaha Negara, Dato' Sri Dr. Ali Hamsa telah menyempurnakan majlis penyerahan kunci rumah projek pembinaan semula rumah terbakar. (NBOS 7) yang dilaksanakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Projek pembinaan semula rumah terbakar di Kampung Bukit Cherakah ini telah dibina semula oleh anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor manakala bahan pembinaan adalah sumbangan dari pihak swasta dan orang awam. Program NBOS 7: My Beautiful Neighbourhood atau Kejiranan Indah telah dipertanggungjawabkan untuk dilaksanakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) setelah dilancarkan YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj. Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia pada bulan November 2009.

Ini merupakan inisiatif kerajaan bagi menerajui negara ini ke arah sebuah negara maju, berpendapatan tinggi dan sejahtera dalam semua aspek. Selain daripada Kuala Selangor ini, projek NBOS 7 telah dilaksanakan di rumah pangsa Simpang Kuala, Seberang Terus, Taman Setia Jaya, Alor Setar dan Rumah Pangsa Lobak, Seremban. Ianya akan diperluaskan ke Ipoh, Perak dan Larkin, Johor Bahru dan kawasan lain. Secara keseluruhannya, di bawah Program NBOS 7 ini kawasan perumahan yang terpilih akan dinaik taraf meliputi 4 aspek utama seperti berikut:

- i Program menambah baik atau membaik pulih kawasan perumahan yang dimiliki oleh penduduk berpendapatan rendah;
- ii Program pembinaan semula rumah terbakar;
- iii Program peningkatan rondaan keselamatan (security patrolling) di stesen LRT dan pusat membeli belah bagi menangani jenayah; dan
- iv Program kebersihan, pengindahan dan penyelenggaraan kemudahan awam.





## Lab Ketua-Ketua Balai di Kampus INTAN, Kota Kinabalu, Sabah



Lab Ketua Zon dan Ketua Balai Siri 3/2012 telah dirasmikan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia pada 8 November 2012 (Khamis). Pada tahun ini, Lab Ketua Zon dan Ketua Balai siri 3/2012 telah diadakan di Kampus INTAN, Kota Kinabalu, Sabah bermula pada 7 hingga 11 November 2012. Seramai 62 orang peserta yang terdiri daripada ketua Zon dan ketua balai dari Negeri Sabah, Sarawak dan Labuan telah hadir pada kali ini. Lab Ketua Zon dan Ketua Balai siri 3/2012 adalah program tahunan yang dilaksanakan oleh Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat, Ibu Pejabat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.





Objektif utama Lab ini adalah untuk menjadikannya satu perhimpunan untuk membincangkan perkara yang berkaitan dengan pengurusan balai dan pengurusan operasi. Lab ini juga sebagai satu forum untuk Ketua-Ketua Bahagian menyampaikan maklumat tentang perkembangan terkini bahagian masing-masing kepada Ketua Zon dan Ketua Balai melalui sesi ceramah. Penceramah jemputan dari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Majlis Keselamatan Negara (MKN) juga dijemput untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran di kalangan Ketua-Ketua Zon dan Ketua Balai serta pegawai dibawah jagaan mengenai integriti, budaya kerja dan tata amalan kerja yang cemerlang.





# International Fire Conference and Exhibition Malaysia **2012**



"International Fire Conference and Exhibition Malaysia 2012" (IFCEM 2012) yang dianjurkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dengan kerjasama The Malaysia Fire Protection Association (MFPA), The Institution of Fire Engineers (UK) Malaysia Branch dan Majlis Sukan, Kebajikan dan Kebudayaan Bomba dan Penyelamat Malaysia (MASKAB) telah diadakan pada 20 hingga 22 November 2012 di Kuala Lumpur Convention Centre, Kuala Lumpur dan dibahagikan kepada dua komponen utama iaitu persidangan dan pameran.

Persidangan ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia. Turut hadir di majlis perasmian tersebut adalah YBhg Datuk Arpah binti Abdul Razak, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj Ibrahim, Ketua Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Pegawai Kanan Kementerian, Pegawai Kanan JBPM, Dif-Dif Kehormat dan para peserta persidangan.

Pemilihan KLCC sebagai tempat persidangan merupakan pilihan yang tepat berdasarkan lokasinya di tengah-tengah pusat bandaraya Kuala Lumpur serta tempat yang paling berprestij di Malaysia. KLCC juga mempunyai kemudahan yang canggih dan lengkap untuk menganjurkan konvensyen sama ada di peringkat antarabangsa, peringkat regional mahupun di dalam negeri.






Persidangan yang bertemakan "*Fire Safety-The Way Forward*" telah memfokuskan kepada empat (4) komponen utama kebombaian iaitu keselamatan kebakaran (*fire safety*), pengurusan bencana (*disaster management*), pengoperasian kebombaian (*fire and rescue operation*) dan kelestarian (*sustainability*). IFCEM 2012 dihadiri seramai 1,400 orang peserta yang terdiri daripada ketua-ketua organisasi kebombaian hingga kepada para profesional daripada 30 buah negara. Di samping itu seramai 11 orang pakar dalam bidang berkaitan daripada empat (4) benua yang terpilih telah membuat pembentangan kertas kerja di persidangan tersebut.

Manakala untuk aktiviti pameran pula sebanyak 200 petak pameran tersedia untuk syarikat-syarikat dalam dan luar negara mempamerkan produk kebombaian dan keselamatan kebakaran yang terkini sepanjang penganjuran persidangan tersebut. Persidangan dan pameran peringkat antarabangsa ini adalah amat wajar dianjurkan kerana ianya akan menjadi platform yang terbaik untuk menggalakkan dan mewujudkan rangkaian perkongsian pintar serta kerjasama di kalangan pemain utama industri kebombaian bagi menyerlahkan produk dan teknologi keselamatan kebakaran yang terkini.



Persidangan yang diadakan tersebut telah memberi faedah yang besar kepada kita semua kerana ianya mengingatkan kita tanggungjawab yang perlu ditanggung untuk memastikan rumah kita, bangunan atau premis kita bebas daripada bahaya kebakaran. Pembangunan pesat negara dalam bidang ekonomi dan sosial telah membawa peningkatan risiko-risiko kebakaran yang akan wujud dalam berbagai-bagai bentuk yang perlu diurus dan ditangani dengan bijak, supaya ianya tidak mengundang bencana dan kerugian yang besar kepada nyawa dan harta benda.



Jabatan juga berharap IFCEM 2012 ini akan berjaya membawa masuk penyertaan pemain industri kebombaian antarabangsa ke Malaysia untuk mengembangkan jaringan kerjasama dan pertukaran teknologi diantara agensi dan industri kebombaian tempatan dengan rakan-rakan di luar negara. Dengan rancangan yang teliti dan strategi yang berkesan, negara ini akan menjadi '*focal point*' untuk perkembangan keilmuan industri kebombaian di rantau ini.



# KONVENSIYEN BOMBA SUKARELA ZON UTARA 2012



Alor Setar 30 November 2012 - Perkarangan Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kedah telah dikunjungi oleh Pasukan Bomba Sukarela dari tiga (3) buah negeri iaitu Kedah, Perlis dan Pulau Pinang untuk menyertai Konvensyen Bomba Sukarela peringkat Zon Utara.

Pasukan Bomba Sukarela merupakan pasukan yang ditubuhkan secara sukarela oleh masyarakat setempat. Penubuhan Pasukan Bomba Sukarela mula diberi perhatian pada tahun 1987. Pasukan Bomba Sukarela adalah sesuai ditubuhkan di kawasan-kawasan yang belum mempunyai balai bomba bagi memberi perlindungan kebakaran dan penyelamatan.

Objektif penubuhan pasukan ini adalah sebagai bantuan awal menjalankan kerja-kerja pepadaman kebakaran dan penyelamatan, membantu penjagaan dan pemeriksaan pili bomba serta membantu memberikan khidmat kemanusiaan.

Perasmian Konvensyen Pasukan Bomba Sukarela telah diadakan di Dewan Bakti, Ibu Pejabat JBPM Kedah dan disempurnakan oleh YS PKPjB Ahmad bin Shahabudin Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kedah.

Sempena Konvensyen tersebut turut diadakan program Pertandingan Kawad Operasi Kebommbaan Berpasukan (basah) menggunakan Proton Arena melibatkan 5 Anggota Sepasukan, Pertandingan Kawad Operasi Menyelamat Berpasukan (kering) 5 Anggota Sepasukan dan Kawad Kebommbaan (kering) menggunakan pam 5 Anggota Sepasukan serta 1 acara sampingan iaitu tarik tali. Pelepasan kawad operasi kebommbaan telah disempurnakan oleh PPjB Morni Mamat dari Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat, Ibu Pejabat JBPM. 12 pasukan yang mengambil bahagian dalam pertandingan kali ini ialah PBS Karangan, PBS Kurung Dalang Perlis, PBS Sungai Pinang, PBS Bagan Lalang, PBS Kampung Berjaya, PBS Kilang Tebu, PBS Kuala Kedah, PBS Simpang 4 Kangkung dan PBS Bukit Pinang





### Senarai Penyertaan Konvensyen Bomba Sukarela Zon Utara 2012

Bil	Pasukan	Negeri
1.	Bomba Sukarela Changlun	Kedah
2.	Bomba Sukarela Sg. Korok Jitra	Kedah
3.	Bomba Sukarela Pdg Sera	Kedah
4.	Bomba Sukarela Simpang Empat	Kedah
5.	Bomba Sukarela Pdg Lembu	Kedah
6.	Bomba Sukarela Smpg 4 Perlis	Perlis
7.	Bomba Sukarela Padang Besar	Perlis
8.	Bomba Sukarela Gial	Perlis
9.	Bomba Sukarela Mkn Kurung Dalang	Perlis
10.	Bomba Sukarela Balik Pulau	P.Pinang
11.	Bomba Sukarela Bukit Mertajam	P.Pinang
12.	Bomba Sukarela Air Hitam	P.Pinang
13.	Bomba Sukarela Butterworth	P.Pinang
14.	Bomba Sukarela Paya Terubung	P.Pinang

Pertandingan hari terakhir Kawad Kecekapan Pasukan Bomba Sukarela Zon Utara Tahun 2012 telah menyajikan aksi pasukan yang lebih sengit dan dramatik. Setiap pasukan menunjukkan mutu persembahan yang mantap.

Sebanyak dua acara telah dipertandingkan iaitu Pertandingan Kawad Operasi Kebombaanan Berpasukan (basah) dan Pertandingan Kawad Operasi Hantar Jauh Berhalangan (600 kaki). Pertandingan tersebut telah disertai sebanyak 11 pasukan iaitu PBS Taman Mutiara A, PBS Taman Mutiara B, PBS Bagan Lalang, PBS Kuala Kedah, PBS Kg. Berjaya, PBS Kilang Tebu, PBS Simpang 4 Kangkong, PBS Simpang 4 Kg. Bahagia, PBS Kurung Dalang, PBS Sungai Petani dan PBS Gial, Arau Perlis.





# LATIHAN EX-STORM VII 2012

**JABATAN BOMBA DAN  
PENYELAMAT MALAYSIA  
NEGERI PERAK**

Bahagian Operasi Kebombaanan dan Penyelamat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah berjaya melaksanakan Latihan Ex-Storm VII 2012 dengan jayanya. Latihan Ex-Storm tersebut telah dijalankan di Kilang Makolin Elektronik (M) Sdn. Bhd. Kampar, Negeri Perak pada 24 November 2012 (Sabtu).

Kronologi untuk latihan amal tersebut ialah sebuah kilang yang berhampiran dengan Hotel Grand Kampar telah meletup sehingga menyebabkan kebakaran di bangunan dan sebahagian struktur bangunan telah runtuh akibat daripada letupan.

Tujuan utama latihan amal ini dilaksanakan adalah untuk memastikan setiap operasi yang dijalankan mematuhi SOP yang telah ditetapkan. Ex-Storm tersebut turut disertai oleh pasukan-pasukan khas di dalam JBPM seperti pasukan (*Hazardous Material*) HAZMAT, Unit Pengesan (K9), *Emergency Medical Rescue Services (EMRS)*, *Multi Skill Team (MUST)* dan Unit Komunikasi.

Secara keseluruhannya latihan amal ini telah dapat menguji pengetahuan dan kemahiran, kesiapsiagaan dan ketangkasan pasukan semasa menangani insiden yang besar dan dapat bekerjasama dengan jabatan dan agensi kerajaan yang lain. Antara agensi yang terlibat adalah pasukan SMART, PASPA, Polis Diraja Malaysia, Hospital dan lain-lain.









# MESYUARAT PENGARAH-PENGARAH BOMBA NEGERI BIL 4/2012

## DI JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI PERLIS

Mesyuarat Pengarah-Pengarah Bomba Negeri Bil 4/2012 telah diadakan di Hotel Putra Palace, Perlis pada 26 hingga 27 November 2012. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Tujuan utama ialah untuk membincangkan Pelan Strategik Jabatan, Sasaran Kerja Tahunan (SKT), Perancangan Kewangan serta program dan aktiviti untuk tahun 2013.

Turut hadir ialah YAS Dato' Mahadi bin Md. Ali, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), YAS Dato' Hj. Amer bin Hj. Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Penolong-Penolong Ketua Pengarah dan semua Pengarah-Pengarah Negeri, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia





# PERTANDINGAN AKHIR BOLA SEPAK

## PIALA KETUA PENGARAH JBPM TAHUN 2012



26 November 2012 (Isnin), Arau - Perlawanan Akhir Bolasepak Piala YAS Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah diadakan di Stadium UiTM Perlis pada 26 November 2012 (Isnin). Turut hadir pada petang itu ialah YAS Dato' Mahadi bin Md Ali, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), YAS Dato' Hj. Amer bin Hj. Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Penolong-Penolong Ketua Pengarah, Pengarah-Pengarah Negeri dan penyokong kedua-dua pasukan.

Perlawanan selama 90 minit itu menyaksikan Pasukan Ibu Pejabat JBPM telah memenangi perlawanan tersebut dengan mengalahkan pasukan JBPM Negeri Sabah dengan keputusan jaringan 2-1.

Pertandingan ini menunjukkan semangat kesukanan yang tinggi serta menggambarkan aspirasi setiap pegawai bomba seiring dengan tugas dan kerjaya yang sangat mencabar. Johan dimenangi oleh pasukan Ibu Pejabat JBPM, Naib Johan dimenangi oleh JBPM Negeri Sabah dan tempat ke-3 dimenangi oleh JBPM Negeri Pahang dan JBPM Negeri Pulau Pinang. Penyampaian hadiah disampaikan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.





# MAJLIS PENUTUPAN KONVENSIEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2012



Majlis Penutupan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Kebangsaan Kali ke-23 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah diadakan di Hotel Seri Malaysia, Kangar, Perlis pada 27 November 2012 (Selasa). YAS Ketua Pengarah JBPM telah menyempurnakan majlis penutupan dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang. Konvensyen Kumpulan Inovatif Kreatif pada kali ini telah dimenangi oleh JBPM Negeri Selangor, tempat kedua dimenangi oleh JBPM Negeri Pulau Pinang dan tempat ketiga dimenangi oleh Pasukan daripada JBPM Negeri Perlis. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua wakil daripada negeri-negeri yang telah mengambil bahagian di Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Kebangsaan kali ke-23 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang berlangsung di Negeri Perlis.





## MAJLIS PENUTUPAN KONVENSYEN BOMBA SUKARELA TAHUN 2012

1 Disember 2012 (Sabtu) - YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyempurnakan Majlis Perasmian Penutupan Konvensyen Pasukan Bomba Sukarela Zon Utara 2012 di Dewan Mayang Mas, Regency Hotel Alor Setar, Kedah.

Di dalam majlis tersebut telah diumumkan pemenang-pemenang pertandingan kawad kecekapan yang telah dipertandingkan semasa Pertandingan Kawad Kecekapan pada 29 hingga 20 November 2012 iaitu Pasukan Bomba Sukarela Kuala Kedah telah merangkul johan keseluruhan pertandingan dengan mengumpul 18 mata dan dipilih sebagai Pasukan Terbaik Keseluruhan. Di majlis yang sama, YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga telah menyempurnakan Pelancaran Logo Pasukan Bomba Sukarela yang baru untuk diguna pakai di seluruh Negara.

Turut hadir pada malam tersebut adalah YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, YAS Dato' Mahadi bin Md. Ali, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), YAS Dato' Hj Amer bin Hj Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), YS Dato' Soiman bin Jahid, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Operasi dan Penyelamat, YS PKPjB Ahmad bin Shahabuddin, Pengarah JBPM Kedah, Pengarah-Pengarah JBPM Negeri, Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia serta para peserta Konvensyen Pasukan Bomba Sukarela Zon Utara 2012.





## *Majlis Perasmian*

### **BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT SERI BALIK PULAU, PULAU PINANG**

1 Disember 2012 (Sabtu) bersamaan 17 Muharam 1433 H - Majlis Perasmian Balai Bomba dan Penyelamat Seri Balik Pulau telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia.

Turut hadir pada majlis tersebut adalah YBhg Datuk Arpah binti Abdul Razak, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YBhg Tuan Yong Bun Fou, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan) KPKT, YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, YAS Dato' Mahadi bin Md. Ali, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), YAS Dato' Hj. Amer bin Hj. Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Penolong-Penolong Ketua Pengarah, Pengarah-Pengarah Negeri, Pegawai-Pegawai Kanan JBPM, Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri serta masyarakat setempat di sekitar Balik Pulau, Pulau Pinang





Majlis dimulakan dengan pemeriksaan kawalan kehormatan oleh YB Dato' Seri Chor Chee Heung dengan diiringi YS PKPJB Hj. Azmi bin Tamat, Pengarah JBPM Negeri Pulau Pinang. Di dalam ucapannya YB Dato' Seri Chor Chee Heung mengharapkan kerjasama daripada masyarakat untuk bersama-sama berganding bahu membudayakan keselamatan kebakaran di premis-premis kediaman dan perniagaan.

Para tetamu dan jemputan pada pagi tersebut juga telah di persembahkan Pertunjukan Kebombaan yang berkonsepkan mengenai Operasi Pemadaman Kebakaran dan "Water Bombing" oleh Bahagian Udara JBPM.

Seterusnya YB Menteri telah melawat Pameran Kebombaan, Sidang Media dan seterusnya ke sesi bergambar dengan Pengurusan Tertinggi JBPM, Pegawai Kanan JBPM Negeri Pulau Pinang dan Pegawai BBP Seri Balik Pulau.





# Majlis TILAWAH AL-QURAN

PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2012  
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, telah merasmikan Majlis Tilawah Al-Quran dan Alunan Azan Peringkat Kebangsaan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia 2012 yang telah diadakan pada 16 November 2012 bersamaan 2 Muharram 1434H sehingga 18 November 2012 bersamaan 5 Muharram 1434H. Majlis tersebut dianjurkan oleh Biro Kebajikan dan Kebudayaan MASKAB di Auditorium Haji Mansor, Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Kuala Kubu Bharu.

Tujuan diadakan pertandingan tersebut ialah untuk meletakkan asas keimanan yang kukuh dan pembangunan rohani umat Islam yang berpandukan kitab suci Al-Quran. Amalan ini pula adalah selaras dengan semangat yang terkandung di dalam perlembagaan yang menjadikan agama Islam sebagai agama rasmi negara.







Seramai 25 orang qari dan qariah serta 26 orang peserta dari Alunan Azan menyertai majlis ini di mana para peserta diadili dari segi taranum, tajwid, fasohah dan nada suara. Pemenang tempat pertama bagi Kategori Qari dimenangi oleh En. Aziz bin Mohammad dari JBPM Terengganu yang membawa pulang sijil penyertaan, hadiah iringan Quran Digital, wang tunai RM500 serta menerima Piala Pusingan Yang Dipertua MASKAB. Manakala tempat kedua dimenangi oleh En. Wahab bin Amat dari JBPM Johor yang menerima sijil penyertaan, hadiah iringan Quran Digital dan wang tunai RM400 serta tempat ketiga dimenangi oleh En. Wan Rahin bin Wan Yusoff dari JBPM Kelantan yang memperoleh sijil penyertaan, hadiah iringan Quran Digital dan wang tunai RM300. Manakala bagi tempat keempat dan kelima dimenangi oleh Tn. Hj Ibni bin Ramli dari JBPM Negeri Sembilan dan En. Marzuki bin Isa dari JBPM Pahang masing-masing membawa pulang sijil penyertaan, hadiah iringan Quran Digital dan wang tunai RM100.

Bagi Kategori Qariah dimenangi oleh Pn. Nurliana binti Nasir dari JBPM Kuala Lumpur dan tempat kedua dimenangi oleh Cik Junainah binti Hanikal dari JBPM Sarawak. Bagi kategori alunan azan, Johan dimenangi oleh En. Che Johari bin Salleh dari JBPM Kedah. Beliau menerima piala pusingan, wang tunai sebanyak RM300 dan Quran Digital. Naib Johan, En. Mohd Fauzi bin Shuib dari JBPM Pulau Pinang menerima wang tunai sebanyak RM250 beserta hadiah iringan Quran Digital dan Sijil dan tempat ketiga Mohd Haffizi bin Yusoff dari JBPM Pahang membawa pulang wang tunai RM200 beserta hadiah iringan Quran Digital dan Sijil, manakala En. Yulzaziman bin Mohamad Bakeri dari JBPM Pahang dan En. Azree Zaidi bin Aziz dari JBPM Selangor masing-masing membawa pulang sijil penyertaan, hadiah iringan Quran Digital dan wang tunai RM100 bagi tempat keempat dan kelima. Penyampaian hadiah disampaikan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.



### Pemenang-pemenang

#### Qari

PEMENANG	NAMA	WAKIL NEGERI
Pertama	En. Abd Aziz bin Mohammad	Terengganu
Kedua	En. Wahab bin Amat	Johor
Ketiga	En. Wan Rahin bin Wan Yusuf	Kelantan
Keempat	Tn. Hj Ibni bin Ramli	Negeri Sembilan
Kelima	En. Marzuki bin Isa	Pahang

#### Qari'ah

PEMENANG	NAMA	WAKIL NEGERI
Pertama	Puan Nurliana bte Nasir	Kuala Lumpur
Kedua	Cik Junainah bte Hanikal	Sarawak

#### Alunan Azan

PEMENANG	NAMA	WAKIL NEGERI
Pertama	En. Che Johari bin Saleh	Kedah
Kedua	En. Mohd Fauzi bin Shuib	Pulau pinang
Ketiga	En. Mohd Haffizi bin Yusuf	Pahang
Keempat	EN. Yulzaziman bin Mohammad Bakeri	Pahang
Kelima	En. Azree Zaidi bin Aziz	Selangor



## MAJLIS PENYERAHAN KUNCI RUMAH PROJEK PEMBINAAN SEMULA RUMAH TERBAKAR “STRATEGI LAUTAN BIRU NEGARA” KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN



24 November 2012 (Perak) - Program “*National Blue Ocean Strategy (NBOS 7): My Beautiful Neighbourhood*”, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia telah mencerikan semula seorang mangsa kebakaran yang telah menerima projek pembinaan semula rumah beliau yang terbakar. Tragedi kebakaran telah berlaku pada 12 Julai 2012 dan telah memusnahkan keseluruhan rumah. Beliau adalah Encik Muhamad Nur Hariri, 52 tahun yang juga seorang orang kurang upaya (OKU).

Majlis Penyerahan kunci rumah ini telah disempurnakan oleh YBhg Datuk Arpah binti Abdul Razak, Ketua Setiausaha, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Turut hadir pada majlis ini ialah YAS Ketua Pengarah JBPM, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Ketua Pegawai Eksekutif, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri Perak (MAiPK), Ahli Parlimen, ADUN dan masyarakat setempat.

Kerja-kerja pembinaan rumah ini di ketuai oleh PPgB Amir bin Ahmad, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Parit bersama 26 orang anggota dari JBPM Negeri Perak yang secara sukarela menabur bakti semasa “*off duty*”. Projek ini dikelolakan dibawah penyelia projek iaitu Pgb Abdul Jalil bin Ishak, Ketua Zon Perak Barat.

Projek pembinaan rumah ini berjaya disiapkan dalam tempoh 30 hari. Rumah yang dibina di bawah Program NBOS7: *My Beautiful Neighbourhood* adalah berukuran 20 kaki lebar x 22 kaki panjang iaitu 440 kaki persegi. Dana untuk projek pembinaan telah disalurkan oleh Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Perak Darul Ridzuan (MAiPK) sehingga ianya dapat disempurnakan dengan jayanya.

# MESS NITE 2012

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



3 Disember 2012 (Isnin) - Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah mengadakan Mess Nite Tahun 2012 di Hotel Marriot Putrajaya. Tetamu Kehormat dalam majlis itu ialah YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Turut hadir di majlis tersebut ialah YBhg Datuk Arpah binti Abdul Razak, Ketua Setiausaha KPKT, YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, YAS Dato' Mahadi bin Md Ali, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), YAS Dato' Hj. Amer bin Hj. Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Penolong-Penolong Ketua Pengarah Bahagian, Pengarah-Pengarah Bomba Negeri dan Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan bersama isteri.

Majlis ini diadakan bertujuan untuk meraikan kejayaan yang dicapai oleh jabatan sepanjang tahun 2012 serta menghargai kerjasama YB Dato' Seri Chor Chee Heung dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Majlis yang berlangsung dengan penuh istiadat ini telah bermula pada jam 7.30 petang dengan perarakan masuk tetamu kehormat daripada Pengurusan Tertinggi Kementerian dan Jabatan. Seterusnya para hadirin telah menyanyikan Lagu Negaraku dan kemudiannya YB Dato' Seri Chor Chee Heung mengucapkan "Selamat Maju Jaya" kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sebelum jamuan dimulakan.

Untuk sesi kedua pula YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim telah menyampaikan ucapan berkenaan pencapaian-pencapaian yang telah dicapai oleh jabatan pada tahun 2012 selain memberi kata-kata perangsang sebagai sumber aspirasi untuk kejayaan pada masa hadapan. YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim seterusnya telah menyampaikan cenderamata kepada YB Dato' Seri Chor Chee Heung dan YBhg. Datuk Arpah binti Abdul Razak. Majlis yang dihadiri seramai kira-kira 150 orang pegawai kanan jabatan itu telah diiringi persembahan oleh Pasukan Kombo Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang diketuai oleh PKPgB Azalin bin Samdin. Majlis telah diakhiri dengan sesi bergambar sebagai kenang-kenangan dengan tetamu kehormat dan dif-dif jemputan.







20th - 22nd November 2012  
Kuala Lumpur Convention Centre

# CECEM 2012

CECEM  
2012





**“CEPAT DAN MESRA”**



*Ibu Pejabat*

*Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia  
Lebuh Wawasan, Presint 7, 62250 Putrajaya.  
Tel : 603-8888 0036 / Faks : 603-8888 0840  
email : korporat@bomba.gov.my  
website : www.bomba.gov.my*



*Diterbitkan oleh Bahagian Pengurusan Korporat  
Ibu Pejabat JBPM, Putrajaya.*